

# Arab tunjuk komitmen selesai konflik: PM

Ucapan kritikal pada sidang kemuncak dapat pujian

139 - 30/3/2007

Zainudin Isa  
di Riyadh



**D**ATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pemimpin Arab menyifatkan ucapannya yang kritikal pada sesi pembukaan Sidang Kemuncak Liga Arab, kelmarin, sebagai luahan ikhlas dan tulus demi menamatkan konflik di Asia Barat.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, beliau gembira kerana ucapan tegasnya diterima dengan terbuka anggota Liga Arab yang dianggapnya semakin menunjukkan perubahan sikap serta komitmen.

"Selepas memberi ucapan itu, ada yang berjumpa saya serta mengucapkan tahniah dan ini jelas satu semangat baru di kalangan dunia Arab untuk terus memberi sokongan menyelesaikan konflik mereka," katanya kepada wartawan Malaysia di Istana Tetamu, lewat petang kelmarin.

Abdullah berada di sini sejak Selasa lalu bagi menghadiri sidang kemuncak Liga Arab kali ke-19 atas undangan khas Raja Arab Saudi, Abdullah Abdulaziz Al-Saud, sebelum berlepas lewat malam ke Jeddah bagi menunaikan umrah.

Perdana Menteri kemudian berlepas pulang ke tanah air dan selamat tiba di Pangkalan Udara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang, di ibu negara, petang semalam. Mengiringi beliau, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.


Abdullah diberi peluang menyampaikan ucapan atas kapasitinya sebagai Pengerusi OIC, selain Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Ban Ki-moon dan Ketua Dasar Luar Kesatuan Eropah (EU), Javier Solana.

Kelmarin, Abdullah menegaskan, dalam usaha mengakhiri penderitaan rakyat Palestin, kesatuan Arab perlu menggunakan kekuatan rantau itu kerana isu berkenaan tidak jauh dari mereka.

Abdullah menegaskan, pemimpin dan rakyat Palestin sendiri perlu bersatu serta membidas sikap berat sebelah Amerika Syarikat kepada Israel, sedangkan peranannya amat penting sebagai pendamai.

Ditanya inti pati ucapannya kira-kira 15 minit itu yang banyak membuka kelemahan di kalangan negara Arab mencari penyelesaian, terutama konflik Israel-Palestin dan peperangan di Iraq dan tekanan Barat terhadap Iran, beliau berkata, perkara itu hakikat yang perlu diterima.

"Justeru, sokongan padu amat diperlukan kerana ia akan memberi



**SELAMAT KEMBALI:** Abdullah yang baru pulang dari Arab Saudi disambut orang ramai ketika tiba di Pangkalan Udara TUDM, Subang, semalam.

kekuatan dan menunjukkan kita serius untuk menamatkan pertikaian di Asia Barat.

"Kalau sesama mereka longgar kesatuan, ditambah dengan negara Arab dengan pendirian kebangsaan masing-masing, ia menguatkan lagi persepsi negara Islam tidak bersatu," katanya.

Mengenai harapannya terhadap Liga Arab, Abdullah berkata, beliau optimis gagasan itu mampu menyelesaikan isu negara anggotanya, terutama ada tanda pembaharuan yang ingin dilaksanakan bagi mengembalikan semula keamanan di Asia Barat.

Malah, katanya, hasil pertemuannya dengan Raja Jordan, Raja Abdullah II, menunjukkan inisiatif untuk menggerakkan formula penyelesaian terbaik, terutama berhubung konflik Palestin dan Lubnan.

**“Sokongan padu amat diperlukan kerana ia akan memberi kekuatan dan menunjukkan kita serius untuk menamatkan pertikaian di Asia Barat”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

"Saya menerangkan kepada beliau pendirian OIC dan fakta yang boleh membawa jalan penyelesaian konflik Israel-Palestin.

"Antaranya, pelarian Palestin yang tinggal di Jordan mesti dibenarkan balik ke Palestin dan As-Sarif mesti jadi ibu negara Palestin yang akan diwujudkan kelak.

"Juga, apa yang dipersetujui Liga Arab dan OIC iaitu kaedah dua negara harus dibenarkan iaitu Palestin dan Israel dengan kedua-duanya wujud sempadan sendiri," katanya.

Mengenai pertemuan dengan Ban pula, Abdullah menyatakan bahawa perlunya PBB dan Majlis Keselamatan bersungguh-sungguh menyusuli perkara yang diputuskan Liga Arab, OIC dan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) bagi mewujudkan keamanan.